

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

PERMOHONAN KEBENARAN BEROPERASI PKP 3.0 SEKTOR PEMBINAAN: HANYA 16% DILULUSKAN

CIDB kawal ketat proses kelulusan ke arah menyokong objektif penurunan kes COVID-19 negara

KUALA LUMPUR, 16 Jun 2021: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah meluluskan hanya 16 peratus, iaitu 11,939 daripada 74,200 permohonan kebenaran beroperasi yang diterima melalui sistem CIMS MITI sejak berkuatkuasanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, bermula 1 hingga 14 Jun 2021.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata proses kelulusan yang ketat ini dilaksanakan bagi memastikan hanya projek-projek pembinaan kritikal sahaja yang menerima kebenaran beroperasi, justeru mengurangkan penularan COVID-19 di dalam negara menerusi Sektor Pembinaan.

“Selain mengenakan syarat-syarat yang ketat untuk permohonan kebenaran ini, CIDB juga melaksanakan operasi penguatkuasaan yang intensif bagi memastikan mana-mana tapak pembinaan yang tidak menerima surat kebenaran, tidak dibenarkan beroperasi,” kata beliau.

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menubuhkan satu pasukan tugas khas untuk memproses permohonan kebenaran beroperasi daripada sektor pembinaan yang diterima melalui CIMS MITI. Dari 1-14 Jun 2021 jumlah permohonan yang diterima adalah **74,200**, merangkumi permohonan baharu serta permohonan rayuan. Daripada jumlah itu:

- **58,778** merupakan permohonan baharu, dan **15,422** adalah permohonan rayuan;

- **93%** daripada semua permohonan (**55,153** permohonan baharu dan **13,922** permohonan rayuan) telah diproses;
- Dari jumlah yang telah diproses, **47,243 (86%)** daripada permohonan baharu, **tidak diluluskan**, sementara hanya **7,910 (14%)** permohonan, menerima kelulusan
- Dari 13,922 jumlah rayuan yang telah diproses pula, **9,893 (71%)** daripada permohonan rayuan, **tidak diluluskan**, sementara hanya **4,029 (29%)** sahaja yang diluluskan.

Antara sebab banyak permohonan tidak diluluskan adalah kerana projek yang dilaksanakan tidak termasuk di dalam senarai projek pembinaan kritikal di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Pembinaan PKP 3.0 yang telah diwartakan. Di samping itu, permohonan yang tidak menyatakan nama projek pembinaan serta tidak mengisytiharkan projek di dalam sistem CIMS CIDB juga tidak diluluskan.

PERINGATAN

CIDB menggesa penggiat industri pembinaan dari semua peringkat untuk mematuhi semua syarat-syarat permohonan kebenaran beroperasi. Tapak pembinaan yang didapati beroperasi tanpa kebenaran yang sah akan diarahkan tutup dan tindakan tegas akan diambil. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990). Ini termasuk mengenakan tindakan tatatertib kontraktor yang jika sabit kesalahan, penalti tidak melebihi RM500,000.00 boleh dikenakan dan/atau Perakuan Pendaftaran Kontraktor boleh digantung atau dibatalkan dan/atau mana-mana arahan lain yang wajar boleh dikenakan oleh ICDB.

Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP 3.0 terkini yang boleh dimuat turun dari www.cidb.gov.my. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi CIDB Careline di talian **03-5567 3300**.

####

STATISTIK PERMOHONAN BEROPERASI UNTUK SEKTOR PEMBINAAN PKP 3.0

JUMLAH KESELURUHAN
PERMOHONAN
DARI 1 – 14 JUN 2021

74,200

JUMLAH KESELURUHAN
PERMOHONAN YANG DIPROSES
DARI 1 – 14 JUN 2021

69,075

PERMOHONAN BARU



58,778

JUMLAH PERMOHONAN BARU YANG
DITERIMA



55,153

PERMOHONAN BARU YANG TELAH
DIPROSES



3,625

PERMOHONAN BARU YANG BELUM
DIPROSES

PERMOHONAN RAYUAN



15,422

JUMLAH PERMOHONAN RAYUAN
YANG DITERIMA



13,922

PERMOHONAN RAYUAN YANG
TELAH DIPROSES




1,500

PERMOHONAN RAYUAN YANG
BELUM DIPROSES

PERMOHONAN BARU - KUMULATIF

KLUSTER DAN KEPUTUSAN YANG DIPROSES DARI 1 - 14 JUN 2021

JUMLAH PERMOHONAN DIPROSES: 55,153



LULUS: 7,910 | GAGAL: 47,243

PERMOHONAN RAYUAN - KUMULATIF

KLUSTER DAN KEPUTUSAN YANG DIPROSES DARI 5 – 14 JUN 2021

JUMLAH PERMOHONAN DIPROSES: 13,922



LULUS: 4,029 | GAGAL: 9,893